

# Cubaan seludup diesel

APMM rampas 1,150 liter bahan bakar bernilai RM2,530

>>>Laporan dan foto RASHIDI KARIM  
am@hmetro.com.my

**K**ANGAR: Perairan Kuala Perlis yang bersempadan dengan Thailand tetap menjadi laluan pilihan penyeludup diesel subsidi walaupun kawalan ketat dilakukan pihak berkuasa bagi membendung kegiatan itu. Dalam tempoh sebulan lalu, empat tangkapan dilakukan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) membabitkan beribu-ribu liter diesel yang cuba dise-

ludup ke negara jiran.

Terbaru, APMM mematahkan cubaan menyeludup 1,150 liter bahan bakar bernilai RM2,530 ke negara jiran menggunakan dua bot nelayan, kira-kira jam 8 malam kelmarin.

Bagaimanapun, dua penyeludup terbabit sempat lari ke dalam hutan bakau apabila bot dipenuhi diesel subsidi itu tersangkut selepas meremuh benteng pasir di perairan Kuala Perlis.

Ketua Penguatkuasa Maritim Wilayah Utara, Laksamana Pertama Zammani

Mod Amin, berkata dua bot nelayan membawa 46 tong diesel itu ditahan kira-kira satu batu nautika dari pantai Kuala Perlis.

"Dalam kejadian jam 8 malam tadi (kelmarin), anggota kami yang menaiki sebuah bot peronda terserempak dengan dua bot nelayan dalam keadaan mencurigakan memecut laju ke perairan negara jiran.

"Kedua-dua bot terbabit cuba lari apabila diarah berhenti. Kami mengejar bot terbabit selama 15 minit sebelum ia terkandas di ben-

teng pasir, manakala penyeludup menghilangkan diri di hutan bakau," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya meminta bantuan anggota Batalion 1, Pasukan Gerakan Am (PGA) yang berkwat di Pos Bukit Putih bersempadan Thailand di Kuala Perlis untuk mengawal barangan seludup yang dirampas.

Katanya, kes penyeludup diesel dikesan berleluasa di perairan Kuala Perlis berikutan kawalan ketat pihak berkuasa di daratan hingga menyebabkan penyeludup

beralih tumpuan menerusi laluan laut.

"Justeru, kami kerap melakukan rondaan di perairan terbabit bagi membendung kegiatan ini yang mendapat permintaan tinggi di negara jiran, selain meminta kerjasama agensi penguat kuasa lain," katanya.

Barang rampasan itu diserahkan kepada Cawangan Siasatan dan Undang-undang APMM di Kuala Perlis dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) untuk tindakan.

Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Mengikut rekod, benteng pasir yang mempunyai jarak empat batu nautika di perairan Kuala Perlis menjadi penghalang kepada penyeludup membolosi sempadan untuk ke negara jiran.

Tiga daripada empat kes tangkapan APMM dalam tempoh itu disebabkan bot terkandas selepas terlanggar benteng pasir. Dua benteng pasir yang menjadi lurah bagi laluan feri penumpang ke Langkawi jelas kelihatan ketika air laut surut.



PERIKSA... Zammani (dua dari kanan) bersama penguat kuasa APMM memungkah tong berisi diesel yang berjaya dirampas.